

15/10/1997

30,000 ahli NUBE pakai lencana sokong PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Seramai 30,000 anggota Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (NUBE) akan memakai lencana khas selama tiga hari mulai esok bagi menunjukkan sokongan mereka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agungnya, K Sanmugam, berkata lencana itu mengandungi kata-kata `NUBE Menyokong Dr Mahathir' dan akan dipakai oleh anggotanya di bank komersil dan syarikat kewangan.

"NUBE menganggap kemerosotan nilai mata wang dan krisis pasaran saham adalah perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab dan cuba menghilangkan kewibawaan Perdana Menteri.

"Tetapi mereka tidak sedar Dr Mahathir mendapat sokongan penuh daripada rakyat dan sebarang cubaan menjatuhkan beliau bererti memusnahkan setiap rakyat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

NUBE yakin Dr Mahathir mampu mengatasi krisis ini, manakala pelabur pula tidak akan terpengaruh dengan media Barat yang memberi gambaran tidak baik mengenai Malaysia..

NUBE menyokong Dr Mahathir berdasarkan rekodnya sejak menjadi Perdana Menteri.

Antara pencapaiannya ialah mewujudkan peluang pekerjaan untuk semua, peluang mencari pendapatan dan kekayaan, kemudahan perumahan yang mencukupi, peningkatan tempat di sekolah dan universiti. - Bernama

(END)